

▼17/05/19-29MST

R GB 17-05 00219 BA383

aab

Mahathir - Australia

AUSTRALIA ENGGAN KERJASAMA, MALAYSIA TIDAK AKAN MERAYU, KATA PM

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Kuala Lumpur tidak akan merayu Canberra supaya memberi kerjasama kepada pihak berkuasa Malaysia dalam siasatan berhubung dakwaan bahawa ahli politik Malaysia dalam menerima rasuah daripada Perkhidmatan Perisikan Sulit Australia (ASIS), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun Malaysia tidak berpuas hati dengan keputusan kerajaan Australia melarang polis negara ini menemuramah pengarang dan wartawan akhbar Sunday Telegraph dan Canberra Times berhubung laporan itu, kerajaan tidak akan membuat sebarang rayuan, katanya.

"Saya tidak boleh buat apa-apa kerana kita tidak boleh paksa negara lain untuk mendedahkan apa yang mereka tidak ingin dedahkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara dan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian pemberian kontrak pembinaan dua buah satelit di sini hari ini.

Majlis menandatangani perjanjian itu adalah antara Binariang Sdn Bhd, sebuah konsortium Malaysia yang akan mengendalikan Satelit Asia Timur Malaysia (MEASAT) yang dijadual pelancarannya pada hujung tahun depan dan Hughes Communications International Incorporated (Amerika Syarikat).

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, diminta mengulas kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor, Jumaat lepas, bahawa kerajaan Australia tidak membenarkan tiga pegawai polis Malaysia menyoal pengarang dan wartawan akhbar-akhbar berkenaan berhubung laporan mereka. -- Lagi.

▼17/05/19-18MST

R GB 17-05 00179 BA386

bah

Mahathir - Australia 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Hujung tahun lepas, akhbar-akhbar itu melaporkan bahawa ASIS telah membayar beribu-ribu dollar Australia kepada ahli politik Malaysia dan Singapura sebagai sogokan untuk mendapatkan maklumat sulit tanpa pengetahuan dan kebenaran kerajaan Canberra.

"Saya berpendapat bahawa sepatutnyalah mereka (kerajaan Australia) memberi kerjasama kerana kita di sini menghadapi masalah tuduhan terhadap orang tertentu," kata Perdana Menteri.

Katanya, buat masa ini sudahpun ada tuduhan bahawa anggota Parlimen kerajaan turut terlibat menerima wang itu, bukan sahaja anggota pembangkang seperti laporan awal akhbar-akhbar berkenaan.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, kerajaan Australia sepatutnya memberi kerjasama untuk menentukan siapa sebenarnya yang terlibat menerima wang sogokan ASIS itu.

"Kita tidak merayu tetapi kita harap itu sahajalah (supaya kerajaan Australia mengambil kira masalah ahli politik Malaysia yang tidak dapat mempertahankan diri daripada tuduhan rasuah yang dibuat terhadap mereka)," katanya.

Tanpa kerjasama itu, kerajaan terpaksa menutup kes berkenaan walaupun, ia tidak berpuas hati kerana tidak dapat mengetahui siapa sebenarnya yang terlibat, kata Dr Mahathir. -- Bernama.

AH NMO